

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful"/"Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum Anda memutuskan untuk menyertai MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.	MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL
	<Tarikh Hari Ini>

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) adalah merupakan pelan perlindungan Takaful Keluarga yang direka untuk melindungi kewajipan gadaijanji Anda sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini kepada Anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau tempoh perlindungan.

2. Apakah konsep-konsep asas Shariah yang digunakan?

Tanggungjawab untuk membayar sumbangan dan menerima manfaat adalah berdasarkan konsep Tabarru'. Tabarru' membolehkan peserta untuk memenuhi tanggungjawab bantuan dan jaminan bersama.

Kami dilantik sebagai Pengendali Takaful di bawah struktur Wakalah. Struktur Wakalah adalah hubungan agensi antara dua pihak, di mana fi Wakalah dibayar kepada kami untuk menanggung kos pengedaran dan pengurusan pelan.

Sumbangan tunggal ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan pengunderaitan daripada DRP akan diagihkan berdasarkan polisi lebihan yang diluluskan oleh jawatankuasa syariah. 50% daripada lebihan agihan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil adalah berkuat kuasa, tidak pernah membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Baki 50% lagi akan dibayar kepada kami untuk mengendali dan menguruskan DRP, berdasarkan kontrak Jua'lah. Jua'lah ialah kontrak upah yang menyatakan atas pengagihan perkongsian lebihan.

Lebihan agihan yang dikongsi di antara orang yang dilindungi adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan ke atas dana berasingan akan dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang mana Sijilnya masih berkuat kuasa dan 15% akan dibayar kepada Kami berdasarkan kontrak mudarabah. Mudarabah ialah kontrak yang dipersetujui di antara Kami dan orang yang dilindungi bagi keuntungan dan kerugian pelaburan. Dana berasingan akan dibayar bersama dengan manfaat, semasa tamat tempoh sijil, atau apabila orang yang dilindungi memberitahu Kami dan peserta pada bila-bila masa sebelum sijil berakhir dan jumlah yang diminta sekurang-kurangnya RM500.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No	Perlindungan / Manfaat	Huraian	Tempoh Perlindungan
1	Kematian	Sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia, amaun Jumlah Dilindungi Berkurangan dan lebihan terkumpul (jika ada) pada tarikh kematian akan dibayar untuk pembayaran balik baki tertunggak pembiayaan gadaijanji.	<tempoh> tahun
2	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	<p>Sekiranya Orang Dilindungi mengalami HUMK sebelum tempoh tamat perlindungan, Jumlah Dilindungi Berkurangan sehingga Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) dan lebihan terkumpul (jika ada) akan dibayar enam (6) bulan dari tarikh HUMK dengan syarat bahawa tuntutan diterima oleh Pengendali Takaful. Baki selebihnya, jika ada sehingga Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) akan dibayar satu (1) tahun dari tarikh pembayaran hilang upaya yang pertama.</p> <p>Sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia atau Sijil Jaminan Perlindungan luput sebelum ansuran kedua dibayar, baki selebihnya akan dibayar serta-merta dan Sijil Jaminan Perlindungan akan ditamatkan.</p> <p>Jumlah Dilindungi Berkurangan akan digunakan untuk membayar baki tertunggak pembiayaan gadaijanji.</p> <p>Aggregat jumlah pembayaran untuk manfaat HUMK tidak boleh melebihi jumlah Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2, 000,000) untuk Sijil Jaminan Perlindungan dan semua sijil berkaitan kredit yang melindungi Orang Dilindungi yang sama dalam Pengendali Takaful, jika ada.</p>	<tempoh> tahun atau sehingga umur enam puluh lima (65) akan datang yang mana terdahulu
3	Perbelanjaan Pengebumian	Kami akan membayar Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap pelan kepada waris terdekat Orang Dilindungi untuk manfaat perbelanjaan	<tempoh> tahun

	pengebumian tanpa mengambil kira manfaat Kematian dibayar atau tidak.	
--	---	--

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Sumbangan Tunggal yang perlu Anda bayar berbeza-beza, bergantung kepada umur Anda, jantina, jumlah dilindungi, kadar keuntungan dan tempoh perlindungan.

Anggaran jumlah Sumbangan yang Anda perlu bayar : [RM <Sumbangan Tunggal>](#).

Jumlah sumbangan mungkin berbeza-beza berdasarkan kepada keputusan pengunderaitan Kami.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Perbelanjaan berkaitan Sijil seperti komisen dan perbelanjaan pengurusan telah dimasukkan dalam jumlah Sumbangan Anda. Sekiranya Anda sebagai Orang Dilindungi membuat keputusan untuk menamatkan Sijil Jaminan Perlindungan awal dalam tempoh perlindungan, nilai serahan Anda mungkin lebih rendah daripada jumlah Sumbangan Anda untuk menampung perbelanjaan di atas.

Fi Wakalah : Kami berhak untuk sehingga tiga puluh peratus (30%) Fi Wakalah daripada Sumbangan yang dibayar untuk Sijil Jaminan Perlindungan, yang mana akan ditolak dari jumlah Sumbangan.

Komisen: Sumbangan yang Anda bayar adalah termasuk komisen kepada pembiaya gadaijanji dan telah dimasukkan ke dalam Fi Wakalah.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Anda dikehendaki menyatakan sepenuhnya dan dengan tepat semua maklumat yang relevan yang anda tahu ianya adalah relevan kepada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai. Jika tidak, ia akan mengakibatkan kontrak diketepikan, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat Sijil Induk diubah.
- Sekiranya dua (2) orang yang telah dinamakan sebagai Orang Dilindungi Perkongsian Bersama, manfaat akan dibayar apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia atau mengalami HUMK. Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi Perkongsian Bersama yang masih hidup secara automatik akan terhenti.
- Sekiranya lebih daripada seorang Orang Dilindungi Perkongsian Bersama meninggal dunia atau mengalami HUMK pada hari yang sama, manfaat Kematian dan HUMK akan dibayar untuk nama pertama seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Jaminan Perlindungan.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan Anda dan Anda mampu untuk membayar sumbangannya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Jaminan Perlindungan untuk senarai lengkap terma dan syarat ini di bawah Sijil Induk ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Pengecualian bagi Manfaat Kematian

- Keadaan Pra Wujud** melainkan Orang Dilindungi mengalami keadaan ini telah dilindungi di bawah Sijil Jaminan Perlindungan melebihi satu (1) tahun dari Tarikh Kuatkuasa (hanya digunakan untuk permohonan Jumlah Dilindungi sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) dan umur sehingga lima puluh (50) tahun).

Bunuh Diri

Jika Orang Dilindungi membunuh diri semasa waras,

- dalam tempoh satu (1) tahun daripada Tarikh Kuatkuasa Sijil Jaminan Perlindungan, Kami akan membayar balik Jumlah Sumbangan yang telah dibayar dari Tarikh Sijil; atau
- selepas satu (1) tahun daripada Tarikh Kuatkuasa Sijil Jaminan Perlindungan, Kami akan membayar Jumlah Dilindungi Berkurangan sepenuhnya.

Jika Orang Dilindungi membunuh diri semasa tidak siuman, Kami akan membayar Jumlah Dilindungi Berkurangan sepenuhnya.

Pengecualian bagi Manfaat HUMK

- Keadaan Pra Wujud, melainkan Orang Dilindungi mengalami keadaan ini telah dilindungi di bawah Sijil Jaminan Perlindungan ini melebihi satu (1) tahun dari Tarikh Kuatkuasa (hanya digunakan untuk permohonan Jumlah Dilindungi sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) dan umur sehingga lima puluh (50) tahun); atau
- Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, penderhakaan tentera, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia; atau
- Terlibat dalam apa-apa sukan atau hobi berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) perlumbaan kuda berhalang, polo, berlumba kuda, menyelam bawah air, berburu, perlumbaan kenderaan bermotor, mendaki gunung atau aktiviti kembara gua; atau
- Penyertaan dalam apa-apa bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal dalam perjalanan biasa yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersil), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjun udara, sukan payung terjun, terjun bungee, luncur gantung dan aktiviti menaiki belon; atau
- Melakukan kecederaan pada diri sendiri atau cubaan bunuh diri, kecuali dibuktikan Tidak Siuman; atau
- Kecederaan atau penghospitalan akibat penagihan dadah, atau semasa di bawah pengaruh alkohol; atau
- Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan apa-apa keadaan yang berkaitan dengan AIDS; atau
- Melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Jaminan Perlindungan untuk senarai lengkap pengecualian ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

- Pembatalan semasa tempoh bertenang - Orang Dilindungi mempunyai hak untuk apa-apa sebab, untuk memulangkan Sijil Jaminan Perlindungan bersama dengan permohonan pembatalan bertulis dalam masa lima belas (15) hari selepas Sijil Jaminan Perlindungan telah diterima oleh Anda atau oleh orang yang mendiami di kediaman Anda. Kemudian Kami akan membatalkan perlindungan dan memulangkan kepada Anda Sumbangan yang telah dibayar, tolak apa-apa fi perubatan yang terlibat (jika ada).
- Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, Sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima Sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil ini dihantar secara elektronik.
- Sekiranya kami menerima notis pembatalan bertulis daripada Anda (dengan persetujuan pembiaya gadaijanji) selepas tempoh bertenang dan semasa tempoh perlindungan, kami akan mengembalikan nilai serahan Anda.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami atas segala perubahan kepada butir-butir peribadi Anda supaya Kami boleh menghubungi Anda tepat pada waktunya.

10. Dimanakah boleh saya memperolehi maklumat lanjut?

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi

Malayan Banking Berhad (196001000142)

Bancassurance Department

Level 21, Menara Maybank

100 Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur

Maybank Group Customer Care: 1300 88 6688

Atau Anda boleh menghubungi:

Etiqa Family Takaful Berhad (199701011506)

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank,

No. 1, Jalan Maarof,

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2297 3888 Faks : 03-2297 3800

Etiqa Oneline : 1 300 13 8888

Emel: info@etiqa.com.my

Homepage: www.etiqa.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati

Sila rujuk kepada Pengedar Kami untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM SIJIL TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat dalam helaian pendedahan produk ini sah selama tiga (3) bulan dari tarikh dikeluarkan.